



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
MENARA MPKj  
JALAN CEMPAKA PUTIH  
OFF JALAN SEMENYIH  
43000 KAJANG  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj T1/2025	Kerja Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan & Kawalan Demam Denggi Menggunakan Kaedah 'Mistaway' Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Tahun 2025	KKM	220901	RM150.00	13 Januari 2025 Hingga 3 Februari 2025

**DOKUMEN MEJA TAWARAN**

Petender boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

**Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.**

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **13 JANUARI 2025 HINGGA 3 FEBRUARI 2025**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 3 FEBRUARI 2025 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebut Harga/ Tender)  
Tingkat 4  
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan  
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih  
Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

**LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Petender dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan tender bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan tender disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.